



KENYATAAN MEDIA BERSAMA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN KEMENTERIAN KERJA RAYA

MAJLIS PELANCARAN OPS BERSEPADU & KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA BERSEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2023

Bersempena Perayaan Tahun Baru Cina Tahun 2023 yang bakal disambut pada 22 dan 23 Januari 2023, Kementerian Pengangkutan (MOT) bersama-sama Kementerian Kerja Raya (KKR) telah melancarkan **Ops Bersepadu & Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kebangsaan Tahun 2023**.

Mengekalkan tema yang sama iaitu “**Pandu Cermat, Sampai Selamat**”, Ops Bersepadu dan kempen yang akan bermula pada 18 hingga 28 Januari ini, turut melibatkan penglibatan pelbagai agensi di bawah MOT dan KKR antaranya **Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia, Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), dan PLUS Malaysia**, berpaksikan kepada empat (4) teras utama iaitu; **Pendidikan Dan Advokasi, Penguatkuasaan, Pencegahan dan Pemantauan Serta Penilaian**.

Sejajar dengan teras tersebut, maka dalam konteks JPJ / MOT, **seramai 2000 orang** anggota penguatkuasa JPJ akan dilibatkan secara langsung dalam **Ops Tahun Baru Cina (TBC)** pada tahun ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh JPJ adalah **kaedah penyamaran** di atas Bas Ekspres, pemantauan melalui **Enforcement Based Station (EBS)** di **14 lokasi tumpuan** sepanjang lebuhraya, pelaksanaan **Perception Of Being Caught (POBC)**, dan **Ops Khas Motosikal**. Sayugia dimaklumkan, JPJ akan

mengadakan **Pra Ops Tahun Baru Cina**, bermula dari **14 hingga 17 Januari 2023**, yang akan melibatkan pemeriksaan Bas Ekspres di **77 buah depoh** dan **28 terminal** bas utama di seluruh negara bagi tujuan memastikan Bas-Bas Ekspres sentiasa berada dalam keadaan *roadworthiness*.

Seperti setiap tahun, **Perintah Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan** juga akan dilaksanakan mulai dua (2) hari sebelum dan dua (2) hari selepas perayaan, iaitu pada **20 hingga 21 Januari 2023 (sebelum)**, serta **24 dan 25 Januari 2023 (selepas)**. Larangan ini bertujuan untuk mengelakkan risiko berlakunya nahas jalan raya akibat **percampuran aliran trafik** antara kenderaan berat dengan kenderaan ringan di atas jalan raya / lebuh raya, selain daripada mengelakkan kesesakan lalu lintas.

Tujuh (7) kesalahan lalu lintas utama telah dikuatkuasakan sempena Ops Bersepadu dan kempen pada tahun ini, iaitu;

- I. **Memotong barisan;**
- II. **Memotong di garisan berkembar;**
- III. **Tidak mematuhi isyarat lampu merah;**
- IV. **Memandu melebihi had laju;**
- V. **Penggunaan telefon bimbit semasa memandu;**
- VI. **Tidak memakai tali pinggang keledar atau topi keledar; dan**
- VII. **Memandu di lorong kecemasan.**

Sementara itu, dalam konteks **Kementerian Kerja Raya (KKR)**, lokasi kerap berlaku kemalangan (*blackspots*) telah dikenalpasti melalui **Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya**, dalam usaha memperbaiki dan memperelok jalan raya Persekutuan ke arah mengurangkan kadar kemalangan yang disebabkan oleh faktor kejuruteraan jalan.

Untuk rekod, pada tahun 2022, sebanyak **53 lokasi *blackspots*** telah dibaik pulih, dengan kos **berjumlah RM17.2 juta**. Manakala, **40 lokasi berisiko berlaku kemalangan akibat jalan gelap** telah dipasang lampu jalan, dengan kos **berjumlah RM4.7 juta**. Program pembaikan dan keselamatan jalan raya 'kos rendah dan berimpak tinggi' ini akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2023 supaya aspek keselamatan jalan raya dapat dipertingkatkan.

KKR juga telah mengenal pasti sebanyak **76 lokasi *blackspots*** bagi tahun 2023. Menyedari hakikat itu, KKR telah mewartakan **pengurangan had laju sementara** sebagai salah satu langkah keselamatan dan pemantauan, di mana, had laju di Jalan Persekutuan di seluruh negara akan dikurangkan **sebanyak 10 km/j** menjadikan had laju Jalan Persekutuan adalah **80 km/j** dan **70 km/j** bagi Jalan Negeri berkuatkuasa mulai **18 hingga 27 Januari 2023**.

Menerusi pelancaran Ops Bersepadu & Kempen Keselamatan Jalan Raya ini, jelaslah bahawa pihak Kerajaan, amnya, MOT dan KKR khasnya, amat serius dalam mencapai sasaran **pengurangan jumlah kematian** dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya **sekurang-kurangnya 50%** menjelang **tahun 2030**, berdasarkan **Resolusi Persidangan 74/299 (31 Ogos 2020) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)**.

Semua pengguna lebuhraya adalah dinasihatkan supaya **mematuhi peraturan perjalanan dan papan tanda arah yang disediakan** semasa melalui semua jalan raya dan plaza tol bagi memastikan kelancaran trafik. Rancang perjalanan lebih awal dengan mengikuti **Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (*Travel Time Advisory*)** yang akan dikeluarkan oleh syarikat-syarikat konsesi dalam masa terdekat.

Maklumat trafik terkini boleh didapati daripada **Pusat Pengurusan Trafik LLM** yang beroperasi 24 jam sehari di sepanjang musim perayaan ini melalui talian **1800-88-7752** atau akaun **Twitter @LLMinfotrafik** atau mana-mana Pusat Khidmat Pelanggan bagi lebuhraya yang berkenaan. Pengguna jalan raya juga diharapkan dapat menjadi sebahagian daripada anggota penguatkuasa dengan melaporkan kesalahan lalu lintas sepanjang tempoh Ops Bersepadu dan menyalurkan aduan menggunakan Aplikasi MyJPJ melalui menu **e-Aduan@jppj** atau melalui aduan email JPJ **aduantrafik@jppj.gov.my**.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN KEMENTERIAN KERJA RAYA

17 JANUARI 2023

[TAMAT]